

# Contohi akhlak terpuji Rasulullah

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Khamis, 14 Disember. - Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam merupakan sebahat- hebat manusia yang diutuskan oleh Allah Subhanahu Wata'ala yang membawa rahmat kepada sekalian alam.

Kita selaku umat Islam, yang mengikuti aqidah Ahli Sunnah Waljamaah, wajib mentaati dan mempercayai dan mencintai Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam.

Demikian dijelaskan dalam Ceramah Khas 'Rasulullah Qudwah Pemimpin Adil' disampaikan oleh Pengarah Pusat Ilmu Teras, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan, Dr. Awang Haji Noralizam bin Haji Aliakhbar selaku penceramah undangan pada Majlis Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam bagi Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan serta jabatan-jabatan di bawahnya Tahun 1439 Hijrah / 2017 Masihi bertempat di Dewan Digadong, kementerian tersebut, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof.

Penceramah undangan seterusnya menjelaskan, salah satu tanda bagi kita menzahirkan rasa kecintaan kepada Baginda Rasulullah itu ialah dengan mengamalkan sunnah-sunnahnya, iaitu apa jua yang disampaikan oleh Baginda, yang diperlakukan, yang diperkatakan dan yang diperakui oleh Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam.

Kehidupan kita di dunia ini ditambahnya, dikelilingi dengan



MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof (tengah) semasa hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam bagi Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan serta jabatan-jabatan di bawahnya Tahun 1439 Hijrah / 2017 Masihi.

Oleh : Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman  
Foto : Dk. Nurul Hafilah Pg. Osman

sunnah, contohnya sebelum melakukan pekerjaan memulakan dengan bacaan Bismillah, sebelum makan membaca Doa Makan dan sebagainya.

Selain itu jelasnya, tanda kita mencintai Rasulullah ialah dengan mencontohi akhlak Baginda kerana Allah Subhanahu Wata'ala sendiri memuji dan memperakui bahawa Rasulullah mempunyai akhlak yang terpuji.

Turut hadir, Setiausaha Tetap KKBS, Datin Paduka Dr. Hajah Norlila binti Dato Paduka Haji Abdul Jalil; Pegawai-Pegawai Tugas-Tugas Khas Kanan, Awang Haji Amer Hamzah bin Pehin

Orang Kaya Amar Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Zakaria dan Awang Haji Zakaria bin Haji Serudin; Ketua-ketua jabatan dan pegawai-pegawai kanan KKBS.

Terdahulu, acara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dipimpin oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid dari Masjid Kampung Pulaie, Awang Mohd. Zakaria bin Haji Mohd. Salleh.

Majlis juga diserikan dengan Dikir Marhaban beramai-ramai dan seterusnya menunaikan Sembahyang Fardu Asar Berjemaah yang diimamkan oleh Imam masjid berkenaan.

Acara diteruskan dengan penyampaian cenderahati 'Anugerah Pekerja Cemerlang' kepada empat pegawai di bawah KKBS dan jabatan-jabatan di bawahnya yang disampaikan oleh tetamu kehormat majlis.

Majlis tersebut merupakan aktiviti tahunan KKBS dalam sama-sama memperingati kelahiran Junjungan Besar Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam dalam menyemarakkan dan menyebarkan lagi syiar Islam.



CERAMAH Khas disampaikan oleh Pengarah Pusat Ilmu Teras, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan, Dr. Awang Haji Noralizam bin Haji Aliakhbar.

## AICIF bahas kaedah penyucian saham berlandaskan syariah

Oleh : Marlinawaty Hussin  
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

**JERUDONG,** Khamis, 14 Disember. - Kaedah penyucian saham berlandaskan syariah sebahagian besarnya merujuk kepada proses penyucian, pembersihan, pemisahan atau melupuskan unsur-unsur tidak halal yang terkandung dalam sesebuah syarikat secara langsung atau tidak langsung.

Perkara tersebut antara yang dikongsikan oleh Dr. Akhtar Zeiti binti Abdul Aziz dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) semasa salah satu sesi pada hari kedua Persidangan Antarabangsa Universiti-universiti ASEAN Mengenai Kewangan Islam Ke-5 (AICIF) di Parkview Hotel.

Menurut beliau, para sarjana telah bermuafakat dalam melaksanakan proses penyucian ke atas pendapatan yang tidak halal, namun mereka mempunyai pandangan berbeza pada unsur-unsur yang perlu disucikan termasuk dividen, saham, keuntungan modal dan aset.

Beliau menambah, majoriti pembekal indeks mengguna pakai metodologi penyucian dividen kecuali Accounting and Auditing Organisation for Islamic Financial Institution (AAOIFI) dan RUSELL Global Index Series yang mengguna pakai penyucian keuntungan modal.

Seminar dua hari yang telah bermula pada 13 Disember itu merupakan anjuran Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) dengan kerjasama enam universiti luar negara.



PEMBENTANG dari Malaysia, Dr. Akhtar Zeiti binti Abdul Aziz dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) pada hari kedua Persidangan Antarabangsa Universiti-universiti ASEAN Mengenai Kewangan Islam (AICIF) Ke-5.

## Rasulullah seorang pemimpin yang unggul



REKTOR UNISSA, Dr. Awang Haji Norarfan bin Haji Zainal (tiga, kiri) hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam peringkat universiti Tahun 1439 Hijrah.

Siaran Akhbar dan Foto :  
Universiti Islam Sultan Sharif Ali

**GADONG,** Khamis, 14 Disember. - Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) melalui Bahagian Hal Ehwal Pelajar dan Majlis Perwakilan Pelajar mengadakan Majlis Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam peringkat universiti Tahun 1439 Hijrah dan diteruskan dengan penyampaian Anugerah Senarai Dekan Tahun 2017 yang berlangsung di Surau Al-Shafi'i UNISSA, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Rektor UNISSA, Dr. Awang Haji Norarfan bin Haji Zainal.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Yaa Siin beramai-ramai dipimpin oleh Pegawai Ugama iready, Awang Muhammad Ali Taufiq bin Haji Abd. Rahman dan diikuti dengan bacaan Dikir Marhaban.

Majlis diserikan dengan Ceramah Maulud Khas 'Rasulullah Qudwah Pemimpin

Adil' disampaikan oleh Pengarah Pusat Halalan Tayyiban UNISSA, Profesor Madya Dr. Nurdeng Deuraseh.

Ceramah antaranya menyentuh mengenai sifat-sifat Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang menunjukkan qudwah hasanah yang adil sepanjang kehidupan Baginda selaku seorang pemimpin yang unggul.

Keperibadian Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam adalah contoh tauladan yang terbaik yang perlu diikuti dalam kehidupan seharian.

Majlis diteruskan dengan penyampaian Anugerah Senarai Dekan Tahun Akademik 2016 / 2017 yang disempurnakan oleh tetamu kehormat majlis.

Seramai 95 mahasiswa dan mahasiswi daripada fakulti masing-masing telah menerima anugerah tersebut setelah memperolehi keputusan yang cemerlang.

Juga hadir, Pemangku Timbalan Rektor, Dr. Awang Arman bin Haji Asmad; Pegawai-pegawai Utama UNISSA, pegawai-pegawai dan kakitangan UNISSA, para pensyarah serta mahasiswa-mahasiswi.

Majlis diakhiri dengan bacaan Doa Selamat yang dibacakan oleh Awang Muhammad Khairul Muhtadee bin Hamzah, mahasiswa Fakulti Tahun 2 Usuluddin (Tahfiz dan Qiraat).